



SERAH.....Dr Geoffrey (tiga kanan) menyerahkan sumbangan Malam Kebudayaan Cina UMSKAL kepada Yong Kui Chen sambil diperhatikan Datuk Chin Hong Vui (empat kiri) dan Dr Hanudin (empat kanan).



TERIMA....Julius (dua kiri) menerima RM4,000 sumbangan Penganjur Malam Kebudayaan Cina UMSKAL daripada Dr Geoffrey. Turut kelihatan Datuk Chin Hong Vui (empat kiri) dan Dr Hanudin (empat kanan).

## SJKC Chung Hwa, SJKC Chi Wen terima RM4,000 daripada UMSKAL

NST 28.3.2017 \*

LABUAN: SJKC Chung Hwa dan SJKC Chi Wen masing-masing menerima RM4,000 daripada Penganjur Malam Kebudayaan Cina (CCN) 2017 Universiti Malaysia Sabah, Kamпус Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Majlis penyerahan replika cek disempurnakan oleh Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal kepada Guru Besar SJKC Chung Hwa, Yong Kui Chen dan Guru Besar SJKC Chi Wen, Julius Voo Jiunn Jye sempena majlis perasmian Malam Kebudayaan Cina di Dewan Kon-

vensi, Kompleks Ujana Kewangan Labuan, malam Sabtu lalu.

Turut menyaksikan majlis itu ialah Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Chin Hong Vui dan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Hanudin Amin.

Hadir sama kedua-dua penyelaras program, Ku Chen Jun @ Nur Alliyah Ku dan Raymond Liew Anak Lubang serta Pengarah Program, Moh Yen Han.

Dr Geoffrey yang mewakili Pengarah UMS

Kampus Antarabangsa Labuan, Profesor Madya Dr. Murnizam Haji Halik berkata sumbangan tersebut bagi menyuntik semangat murid dan guru untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kedua-dua sekolah tersebut.

Beliau yakin menerusi sumbangan tersebut hubungan dua hala antara UMSKAL dengan kedua-dua sekolah tersebut akan kekal berterusan untuk kebaikan generasi masa depan.

"Ianya juga simbolik keberadaan UMSKAL sebagai sebuah institusi pengajian ting-

gi awam (IPTA) yang sentiasa prihatin dengan masyarakat tempatan khususnya golongan pelajar di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Sementara itu, kedua-dua guru besar merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada penganjur Malam Kebudayaan Cina UMSKAL yang memberikan sumbangan kewangan sekaligus turut memastikan prestasi akademik SJKC Chung Hwa dan SJKC Chi Wen akan meningkat pada setiap tahun.

-OLEH JAINUDIN DJIMIN